

PEMBAHARUAN DUNIA PENDIDIKAN: TANGGUNGJAWAB PENDIDIK KE ARAH TRANSFORMASI INSAN

Oleh:
Munirah Binti Mustaffa
Jabatan Pengajian Am, Politeknik Merlimau

PENDAHULUAN

Firman Allah dalam Al-Quran: Maksudnya: *"Serulah manusia ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan nasihat yang baik dan berbahaslah dengan mereka secara yang baik."* (An Nahl: 125). Dalam ayat tersebut, Allah mengingatkan kita terutama dari golongan pendakwah termasuklah para pendidik supaya memberi didikan dan tunjuk ajar kepada manusia dengan pelbagai acuan di mana acuan itu perlulah bersesuaian serta mempunyai nilai multidimensi supaya pelajar yang dididik menjadi manusia yang insaniah.

Mendidik manusia adalah beerti mendidik insaniahnya yang mana ia terdiri daripada akal, roh atau hati, nafsu dan fizikal atau jasmani. Ke empat-empat elemen insaniah inilah yang perlu kita didik untuk mencapai pembangunan insan. Apabila insaniah ini terbangun maka lahirlah generasi yang berakhlak baik, bermoral, sopan santun, berbudi bahasa, bertimbang rasa, berkasih sayang dan apa yang amat penting adalah insan yang takutkan tuhan serta bertaqwa. Persoalannya bagaimanakah ke empat-empat elemen ini dididik dan ditanam pada setiap jiwa pelajar? Adakah ia hanya bergantung kepada kurikulum dan kokurikulum yang menyentuh keagamaan? Wajarkah semua pendidik memainkan peranan masing-masing atau pendidik yang bergelar ustaz ustazah sahaja yang menggembeling usaha tenaga membentuk peribadi pelajar?

TANGGUNGJAWAB PENDIDIK

Pada hari ini, adalah dirasakan penting berlakunya perubahan dan rombakan dalam penulisan buku atau modul serta latihan kerja sesuai dengan pembaharuan kurikulum dan kokurikulum. Buku sangat memainkan peranan penting bagi pelajar dalam menjadikan bahan rujukan dan mengukuhkan pemahaman. Buku yang dikarangkan bukan sahaja bersifat kreatif tetapi perlulah dimasukkan juga nilai-nilai insan dan kemanusiaan. Sebagai contoh penulisan buku dan latihan kerja serta peralatan bahan mengajar Bahasa Inggeris perlulah dimasukkan dengan nilai – nilai kemanusiaan dan bersenikan corak keagamaan selari dengan keperluan memahirkan penggunaan bahasa di samping memahami isi. pengajaran tatabahasa, fonetik, sintaksis, dan sebagainya masih mengikut sistem aturan bahasa berkenaan tetapi isi kandungan ilmunya harus selari dengan nilai-nilai Islam dan fitrahnya. Para pendidik bukan hanya bertanggungjawab menyampaikan pengajaran berkaitan bahasa sahaja tetapi menerapkan nilai-nilai insaniah di kalangan pelajar. Adalah satu tanggungjawab bagi seorang pendidik menentukan sesuatu ilmu itu difahami, dihayati dan diaplikasikan dengan sebaik-baiknya.

Penulisan buku-buku sains bukan hanya ditulis berdasarkan kajian semula jadi dan sedia ada sahaja, tetapi mestilah didekatkan jiwa pelajar dengan hasil ciptaan Allah di mana ia adalah rahmat dari tuhan untuk hambanya. Kalau kita teliti dan peka setiap penulisan buku yang ada pada hari ini di mana ia banyak menceritakan tentang kimia, kejadian molekul-molekul dan atom-atom adalah berdasarkan eksperimen dan data sahaja tanpa dihubungkan kebesaran tuhan pencipta sekalian alam. Jika kita renung sejenak, andai penulisan buku-buku ilmiah ini ada dimasukkan unsur-unsur ketuhanan dan bersenikan keagamaan, sudah pasti generasi kita pada hari ini tidak lupa asal-usul kejadiannya sebagai makhluk Allah SWT.

Penulisan buku-buku Geografi juga tidak harus terbatas dengan aspek-aspek topografi, fizikal dan serantau tetapi harus mampu diimbangi dengan aspek-aspek pengetahuan dan ilmu ghaib. Bukan hanya ditulis tentang alam nyata sahaja. Adanya alam nyata kerana adanya alam ghaib. Yang ghaib menghidupkan yang nyata dan yang nyata bakal menjadi ghaib kerana faktor alam ghaib.

Persediaan perlu ada pada seorang pendidik dan pengurus pendidikan untuk merealisasikan pembaharuan pendidikan kearah transformasi insan ada tiga perkara:- Pertama, pendidik perlu menguasai ilmu subjek dan ilmu yang berkaitan dengan ilmu nilai dan ilmu agama. Penyampaian yang hebat bukan hanya terletak kepada ilmu kepakaran dan pengetahuannya sahaja tetapi ia mengambil kira dari aspek penguasaan ilmu akidah, akhlak, ibadah dan syariah. Pengajaran yang berkesan serta mampu melakukan transformasi insan adalah pengajaran yang disampaikan dengan ilmu kepakaran disulami dengan ilmu kerohanian.

Kedua, ilmu pedagogi dan metodologi perlu bersepadu dalam pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh, ustaz yang mengajar pelajar membaca Al-quran dengan kaedah pembacaan betul perlu juga diajar pengajaran ayat yang terkandung pada setiap ayat Al-Quran. Ini memantapkan kerohanian pelajar dan secara tidak langsung melahirkan manusia yang berakhlak mulia.

Ketiga, pendidik merupakan ikutan (*Qudwah Hasanah*) kepada pelajarnya. Pendidik menjadi *'role model'* yang disegani oleh pelajarnya. Pendidik mestilah bersifat lemah lembut dibalik ketegasan dan memiliki kasih sayang yang tinggi untuk meyakinkan pelajar dalam membina satu kehidupan yang sempurna serta membentuk satu pemikiran dan minda yang positif. Pemikiran yang positif dapat membentuk perlakuan dan tindakan yang positif.

Cabaran utama yang menentukan pendidikan multidimensi atau pengajaran holistik ini berjaya atau tidak, ia bergantung kepada pendidik dan pengurus pendidikan. Para pendidik dan pengurus pendidikan harus peka pada peredaran dan perubahan masa yang amat mencabar. Pada zaman ini umat Islam amat lemah dalam menguasai ilmu mengurus sistem. Kemampuan dalam mengurus diri sendiri juga amat membimbangkan di mana umat Islam jauh ketinggalan berbanding dengan pihak lain yang menepoli kekayaan sumber alam yang sedia ada. Ramai generasi muda terutama yang beragama Islam tenggelam dengan kemaksiatan kerana mereka tidak didedahkan dengan ilmu-ilmu mengenal Allah dan kebesaran-kebesaran Allah pencipta sekalian makhluk. Perubahan pemikiran mesti berlaku untuk mengenalpasti masalah, merancang strategi dan mencapai alternative yang terbaik untuk dicapai serta menyepadukan ilmu mengurus sistem dan ilmu mengurus diri supaya hasil pendidikan pada tahap yang terbaik dan dapat melakukan transformasi insan.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, sudah sampai masanya modal insan yang bercirikan Islamik dibangunkan berasaskan pembaharuan ilmu dan pendidikan yang mengikut acuan bersesuaian dengan matlamat kita sebenar iaitu pendidikan kearah transformasi insan supaya ia dapat melahirkan manusia yang berjaya bukan sahaja dari segi fizikal malah juga dari segi jiwa dan rohani.

RUJUKAN:

Al-Quran al-karim
Kamus Dewan. Dewan bahasa dan pustaka
Majalah Milenia Bilangan 82
<http://www.rumahamalsucirohani.com/minda-islami/membangunkan-insaniah>